

TARIKH	04 / 07 / 2014	SEKSYEN	AGAMA MEGA
MUKA SURAT	27	RUANGAN	



TANPA persediaan ilmu akan mengakibatkan banyak cacat cela dan ketidaksahihan ibadat haji.
- Gambar hiasan

Mencari kemabruran haji

Isu dam, haid, niat, tawaf, melontar, mabit di Mina, batal wuduk adalah antara permasalahan yang sering timbul

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI



TABUNG HAJI



BicaraHaji

DALAM menghuraikan berkaitan pelaksanaan ibadah haji dan permasalahannya, penulis hanya menyebut beberapa perkara utama untuk difahami bakal jemaah haji. Antaranya:

- Belajar *manasik* haji. Hal ini amat penting kerana ilmu berkaitan haji menyebabkan ibadat menjadi sah dan diterima Allah SWT. Ramal jemaah haji yang datang mengunjungi Mekah tanpa persediaan ilmu, akhirnya mengakibatkan banyak cacat cela dan ketidaksahihan ibadat haji.
- Bertaubat Kepada Allah. Oleh kerana kita menuju kepada Allah dengan sepenuh jiwa raga dan hati, di samping mulut sentiasa bertalbiah sebagai menzahirkan kehambaan kepada yang Maha Esa, maka seaulanya seseorang yang ingin menuju ke Mekah memukadimahkan dengan taubat. Ini supaya kedatangannya menghadap ilahi dengan hati yang tulus ikhlas dan suci. Natijahnya untuk mendapat kemabruran haji adalah amat hampir.

- Memahami setiap rukun, wajib dan amalan haji. Hal ini sudah pasti akan memberi kesan yang mendalam kepada jemaah haji, apa lagi seseorang itu juga mempelajari hikmah dan falsafah haji.
- Terdapat banyak isu dan permasalahan haji. Dalam hal ini, hendaklah merujuk pihak berautoriti dan berwibawa daripada segi keilmuan dan diyakini kemampuan ilmiyahnya.

Dalam ruangan kali ini, akan dibincangkan jenis haji serta permasalahannya. Haji terbahagi kepada tiga iaitu:

Haji Ifrad yang diniatkan secara unum atau mengikut niat seseorang juga akan kembali kepada salah satu daripada tiga di atas.

Maksud haji Ifrad ialah hanya mengerjakan haji dan selepas itu barulah melakukan ibadah umrah. Cara Ifrad ialah berihram untuk mengerjakan haji sahaja. Dia tidak akan mengerjakan ibadah umrah sehinggalah selesai mengerjakan hajinya. Cara ini dianggap paling afdal mengikut mazhab al-Syafie kerana *masyaqah* yang dihadapi ketika berada dalam ihram begitu panjang masanya.

Haji Tamattu' - daripada sudut bahasa, tamattu' bererti mengambil faedah. Istilah syarak pula:

- Mengikut ulama Hanafi menghimpunkan antara ihram umrah dan pekerjaannya atau sebahagian besar daripada pekerjaan itu dengan ihram haji dan pekerjaannya dalam bulan haji tanpa *ilmam* (pengetahuan) yang sahih dengan ahlinya.

- Mengikut mazhab al-Syafie, Tamattu' ialah dengan berihram mengerjakan umrah dalam bulan haji. Setelah selesai mengerjakan ibadah dan bertahallul, jemaah berihram pula untuk mengerjakan ibadah haji di Mekah.

Mengikut Hanafi terdapat dua bentuk orang yang melakukannya, iaitu yang membawa

binatang dam dan yang tidak membawanya.

Bagi yang membawa binatang dam, hukumnya adalah sama dengan orang yang melakukan haji secara Qiran. Apabila sampai di Mekah dia hendaklah terus tawaf dan sa'ie dan tidak bertahallul selepas mengerjakan umrah tetapi terus berada di dalam ihramnya sehingga berihram haji pada Hari Tarwiyah.

Pada Hari Nahar dia hendaklah menyembelih binatang dam itu. Ini berdasarkan sabda baginda dalam hadis riwayat Jabir r.a yang bermaksud: "Jika aku tahu apa yang berlaku masa depan seperti aku tahu yang telah lepas, maka tentunya aku tidak akan membawa binatang dam ini dan aku jadinya umrah."

Ini memberi pengertian bahawa tahallul hanya perlu jika melakukan ihram umrah sahaja serta tidak pula mempunyai binatang dam. Sekiranya tahallul itu harus walaupun ada binatang dam ini tentunya Rasulullah SAW hanya akan mengatakan: "Saya jadinya umrah dan bertahallul. Jika seseorang melakukan haji secara Tamattu' itu mahu membawa binatang dam, maka dia boleh berihram dan membawanya."

Haji Qiran - daripada sudut bahasa, Qiran bererti mengumpul dua perkara. Istilah syarak pula menggabungkan antara ihram haji dan ihram umrah dalam satu perjalanan.

Ia berlaku dengan seseorang itu berniat untuk umrah dan haji sekali gus di miqat, sama ada ia secara hakiki iaitu dengan niat yang merangkumi kedua ibadah tersebut ataupun secara hukmi seperti pendapat ulama Hanafi dengan cara berihram umrah dahulu kemudian sebelum melakukan tawaf separuh atau lebih, dia berniat pula melakukan haji. Bentuk ini tiada dalam pendapat ulama lain. Bagi ulama Hanafi, dengan cara demikian, penggabungan itu telah terlaksana.

Bagi ulama jumhur pula seorang itu sah melakukan Qiran dengan cara sebaliknya, iaitu berihram untuk ibadah haji dahulu, kemudian menggabungkan umrah dengannya. Cara ini dianggap makruh oleh ulama Hanafi.

Mengikut jumhur, jika hendak digabungkan haji kepada umrah, maka hendaklah dilakukan sebelum seseorang itu memulakan tawaf umrahnya. Sekiranya pekerjaan tawafnya telah bermula, walaupun selangkah maka tidak lagi harus digabungkan haji dengannya.

Semoga dengan sedikit pencerahan ini dapat memberi kefahaman berkenaan permasalahan haji dan beberapa isu berkaitan dengannya.

● PENULIS ialah Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (TH-Jakim).